

KONSEP PINJAMAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM

PENDAHULUAN

- Menjadi lumrah manusia untuk mendambakan kehidupan yang serba mewah.

- Kebanyakan masyarakat terpaksa berhutang untuk menikmati taraf hidup yang lebih selesa.

- Pinjaman kewangan sudah menjadi trend dalam dunia hari ini.

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

- Islam tidak menggalakkan berhutang.

- Islam menyarankan umatnya menjalani kehidupan yang bersederhana serta bersifat qana'ah.

- Rasulullah SAW enggan menyembahyangkan jenazah seorang sahabat yang telah meninggal dunia setelah mengetahui sahabat yang meninggal dunia tersebut belum melangsaikan hutangnya.

Tindakan Rasulullah SAW ini menggariskan dosa orang tidak menjelaskan hutangnya begitu berat lebih-lebih lagi dalam situasi sekiranya hutangnya itu dilipat gandakan dengan riba.

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

AL-ARIYAH (PEMINJAM)

- Melibatkan barang yang tidak musnah (kereta). Barang yang mudah musnah pinjaman tidak sah (sabun).

AL-QARD (HUTANG)

- Melibatkan pemindahan pemilikan barang yang boleh diganti mengikut bilangan (wang kertas).

DEFINISI AL-QARD

BAHASA : Al-Qart'u (potong)

ISTILAH : Penyerahan barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat diganti dengan nilai yang sama tanpa penambahan

LARANGAN RIBA

Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah *Al-Baqarah* ayat 275

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

"Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba"

Terdapat hadis Rasulullah SAW menyebut hutang mempunyai manfaat adalah riba

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم - كل قرض جر منفعة، فهو ربا

"Rasulullah SAW telah bersabda bahawa setiap peminjam (hutang) yang ada manfaat ianya adalah riba"

FATWA PENGHARAMAN RIBA

Semua bersepakat membuat keputusan bahawa faedah yang dikenakan dalam semua bentuk pinjaman (hutang) adalah riba.

PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

* Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah.

* Pemberian hutang atau peminjam wang bebas daripada unsur riba.

* Al-Qard Al-Hasan bermaksud pinjaman yang baik.

* Menifestasi keperihatinan seseorang buat kebaikan.

HUKUM AL-QARD AL-HASAN

SUNAT: Memberikan hutang kepada orang yang memerlukan.

HARUS: Berhutang bertujuan membebaskan diri dari kesempitan hidup.

TIDAK HARUS: Mengetahui peminjam menggunakan wang kearah maksiat.

RUKUN AL-QARD

1. Pemiutang (memberi pinjaman) - Tidak gila atau kanak-kanak

- Tiada paksaan

2. Penghutang - Tidak gila atau kanak-kanak

- Tiada paksaan

- Mampu bayar balik

3. Barang yang dipinjam - Barang mithly (boleh dikira)

4. Sighah - Lafaz ijab dan qabul

OBJEKTIF PERLAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

1. Bantu golongan memerlukan.

2. Merapat jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin.

3. Pupuk semangat persaudaraan.

4. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.

5. Memberi kemudahan kepada golongan pendapatan rendah.

6. Hapuskan diskriminasi.

7. Sebagai salah satu wasilah dakwah.

8. Mendapat keberkatan.



By Syafie

cheatography.com/syafie/

Published 23rd June, 2020.

Last updated 24th June, 2020.

Page 1 of 2.

Sponsored by **ApolloPad.com**

Everyone has a novel in them. Finish Yours!

<https://apollopad.com>

INSTRUMEN PENJANA SOSIO EKONOMI UMMAH

SKIM PERKHIDMATAN PEMBERIAN WANG

- Meringankan beban golongan yang terdesak dan tersepit dalam kancah krisis kewangan.

SKIM PEMBIAYAAN SECARA MIKROKREDIT

- Memajukan sektor ekonomi tertentu khususnya industri kecil dan sederhana.

SKIM PAJAK GADAI ISLAM ATAU ALRAHNU

- Transaksi pemberian kemudahan pinjaman wang kepada pemegang gadaian sebagai cagaran terhadap pinjaman yang dibuat.

SKIM PINJAMAN KEWANGAN DAN PEMBIAYAAN

- Seseorang itu dibenarkan berhutang atau membuat pinjaman kewangan bertujuan menunaikan rukun Islam yang kelima sekiranya dia yakin mampu membayar balik.

PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

~ Setiap hutang ditulis.

~ Tiada bayaran tambahan.

~ Selesaikan semua hutang si mati sebelum harta pusaka dibahagikan secara faraid.

~ Wajib pulangkan pada waktu yang dijanjikan.

BANTUAN KEPADA ASNAF AL-GHARIMIN

INSTITUSI ZAKAT DAN BAITUMAL

- Mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial ekonomi.

- Meringankan beban yang dihadapi oleh golongan yang dibelenggu hutang.

- Memenuhi keperluan asas kehidupan.

GEJALA CETI HARAM

1. Ah Long atau khidmat pinjaman tanpa lesen. 2. Bertentangan dengan syariat Islam.

3. Mengenakan faedah.

KESAN

- Keruntuhan rumah tangga. - Perpecahan keluarga.

- Menghadapi tekanan jiwa.

